HJ MUHAMAD AWANG

lwn.

HASSAN CHE ABDULLAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
NIK HASHIM H
[NOTIS USUL NO: 25-03-2001]
2 OGOS 2001

PROSEDUR SIVIL: *Notis rayuan - Permohonan memfailkan notis rayuan di luar masa - Sama ada mahkamah mempunyai budibicara - Kelambatan pemohon memohon tindakan mahkamah - Sama ada kelambatan memprejudiskan responden - Kekeliruan dengan tarikh cuti hari raya - Sama ada alasan yang diberikan munasabah - Sama ada kelambatan disebabkan kecuaian pemohon sendiri - Sama ada mahkamah perlu kepada material keterangan yang relevan - Sama ada pemohon mempunyai merit dalam tindakan - Sama ada permohonan patut dibenarkan*

Melalui notis usul, pemohon memohon kebenaran untuk memfailkan notis rayuan di luar masa, atas alasan terkeliru cuti hari raya dan mempunyai merit. Notis usul difailkan tiga bulan selepas keputusan diberi. Isu-isu yang timbul di dalam kes ini adalah: (1) apakah prinsip bagi melaksanakan budibicara dalam mempertimbangkan permohonan; (2) sama ada alasan kelambatan yang diberi munasabah dan dapat diterima; (3) sama ada isu merit tanpa ia dijelaskan dengan butir-butir lanjut bagi menyokong dakwaan merit mencukupi bagi mahkamah melaksanakan budibicaranya untuk membenarkan permohonan dan (4) sama ada permohonan patut dibenarkan.

Diputuskan:

[1] Mahkamah mempunyai budibicara yang luas untuk melanjutkan masa dalam kes yang wajar dan patut. Walau bagaimanapun, ini bukanlah merupakan suatu budibicara yang tidak melandaskan prinsip. Faktor-faktor seperti tempoh kelewatan, alasan kelewatan, merit dan prejudis kepada pihak responden merupakan faktor-faktor yang boleh digunakan sebagai rangka kerja dalam menjalankan budibicara. Oleh kerana permohonan ini menyentuh hak pemohon, beliau mestilah secara segera memohon tindakan mahkamah. Kelambatannya berbuat demikian mesti dijelaskan olehnya sehingga mahkamah berpuas hati. (ms 576 a-d)

[2] Pihak pemohon telah memfailkan permohonan ini pada 20 Mac 2001 iaitu tiga bulan selepas keputusan kes yang telah diberi pada 20 Disember 2000. Tiga bulan ialah satu tempoh yang lama dan kelambatan itu telah memprejudiskan responden. Penjelasan pemohon bahawa ada kekeliruan

dengan tarikh cuti hari raya adalah sesuatu yang melucukan dan tidak munasabah sebagai alasan mengapa permohonan ini lambat dibuat tiga bulan kemudian, kerana cuti hari raya hanya beberapa hari sahaja dan bukan begitu lama sehingga kedua-dua pemohon dan peguamnya tidak sedar untuk membuat rayuan. Mahkamah tidak berpuas hati dengan penjelasan kelambatan. Kelambatan itu disebabkan kecuaian pemohon dan peguamnya sendiri. Mahkamah tidak dapat menggunakan budibicaranya untuk membenarkan permohonan. (ms 576 e-h)

[3] Sekadar mengatakan pemohon mempunyai merit yang kuat di dalam tindakan adalah tidak mencukupi tanpa butir-butir lanjut dikemukakan bagi menyokong dakwaan tersebut. Mahkamah perlu kepada material keterangan yang relevan sebelum mahkamah boleh menggunakan budibicaranya untuk mempertimbangkan permohonan ini. Material yang sedemikian tidak diketengahkan. Pernyataan bahawa pemohon mempunyai merit yang kuat dalam tindakan hanya merupakan dakwaan semata-mata. Dakwaan pemohon mempunyai merit dalam tindakan adalah tidak berasas. (ms 577 a-b)

[4] Tanpa material keterangan yang relevan dan mencukupi di hadapannya, mahkamah tidak dapat melaksanakan budibicaranya untuk memihak pemohon dalam mempertimbangkan permohonannya. (ms 577c)

[Notis usul pemohon ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:
Khor Cheng Wah v. Sungai Way Leasing Sdn Bhd [1997] 1 CLJ 396 ***(dirujuk)***
Pearson v. Chen Chien Wen Edwin [1991] 3 MLJ 208 ***(dirujuk)***
Soh Keng Hian v. American International Assurance Co Ltd [1996] 2 CLJ 449 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 3 r. 5(1)

Bagi pihak pemohon - Latifah Ariffin; T/n Latifah Ariffin & Co
Bagi pihak responden - Marhaini Mat; T/n HS Lim & Malik

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:
Melalui notis usul, pemohon defendan memohon kebenaran untuk memfailkan notis rayuan diluar masa.

Pada 20 Disember 2000 Mahkamah Majistret Besut telah memerintahkan defendan supaya membayar kepada plaintif responden wang sebanyak RM10,300 dan faedah pada kadar 8% setahun bermula dari 12 Ogos 1997

sehingga penyelesaian sepenuhnya dan juga kos guaman. Permohonan ini telah disokong dengan afidavit peguamcara yang sama yang mengendalikan kes di hadapan saya dan di hadapan Majistret Besut. Pemohon sendiri walau bagaimana pun, tidak pula mengikrarkan sebarang afidavit untuk menyokong permohonannya.

Alasan-alasan yang diberi oleh peguamcara untuk menyokong notis usul itu antara lain ialah:

4. Defendan sepatutnya memfailkan Notis Rayuan didalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat tetapi oleh kerana terkeliru dengan tarikh cuti hari raya dan klien saya terlewat memberikan arahan kepada saya untuk memfailkan Notis Rayuan.

5. Defendan memang berniat untuk memasukkan rayuan bagi kes ini.

6. Selanjutnya saya juga menegaskan bahawa defendan mempunyai merit yang kuat didalam tindakan ini dimana didalam keterangan kes di Mahkamah Majistret Besut yang lepas tiada saksi yang melihat defendan yang menggali parit tersebut dan isu sama ada plaintif mempunyai *'locus standi'* di dalam kes ini.

Responden telah membantah permohonan ini, dan didalam afidavit jawapan beliau menyatakan:

6. Merujuk kepada perenggan 4 dan 5 afidavit tersebut, saya percaya dan telah dinasihati bahawa alasan kelewatan yang diberi untuk permohonan pada masa ini adalah remeh, tidak munasabah dan hanya memprejudiskan tuntutan plaintif pada masa ini.

7. Saya percaya dan telah dinasihati bahawa defendan sepatutnya telah merujuk kepada peguamnya jika beliau ingin memasukkan Notis Rayuan dan peguamnya juga mempunyai tanggungjawab untuk menasihatkan defendan tentang kedudukan kes dan undang-undang yang telah ditetapkan.

8. Saya percaya dan telah dinasihati bahawa defendan dan peguamnya adalah sama-sama berkecuaian kerana tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi melindungi kepentingan pihak defendan.

9. Selanjutnya, saya juga merujuk kepada penenggan 6 afidavit tersebut dan menegaskan bahawa ianya hanya merupakan dakwaan semata-mata. Saya percaya dan telah dinasihati bahawa defendan tidak ada merit atas permohonan ini.

Jadi, dalam kes ini, persoalan ialah sama ada mahkamah ini harus mempertimbangkan untuk membenarkan permohonan pemohon.

Selepas mendengar kedua belah pihak dan meneliti rekod, saya pada 3 Julai 2001 telah menolak permohonan pemohon dengan kos kepada responden. Alasan-alasan keputusan tersebut adalah seperti berikut.

Dalam mempertimbangkan permohonan ini untuk memfailkan notis rayuan diluar masa dibawah A. 3 k. 5(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, mahkamah ini mempunyai budibicara yang luas untuk melanjutkan masa dalam kes yang wajar dan patut. Walau bagaimanapun, ini bukanlah merupakan suatu budibicara yang tidak berlandaskan prinsip. Material keterangan yang relevan harus dikemukakan sebelum mahkamah boleh menggunakan budibicara tersebut (*Soh Keng Hian v. American International Assurance Co Ltd* [1996] 2 CLJ 449 CA). Faktor-faktor seperti (a) tempoh kelewatan, (b) alasan kelewatan, (c) merit dan (d) prejudis kepada pihak responden merupakan faktor-faktor yang boleh digunakan sebagai rangka kerja dalam menjalankan budibicara *Pearson v. Chen Chien Wen Edwin* [1991] 3 MLJ 208. Oleh kerana permohonan ini menyentuh hak pemohon, beliau mestilah secara segera memohon tindakan mahkamah. Kelambatannya berbuat demikian mesti dijelaskan olehnya sehingga mahkamah puashati *Khor Cheng Wah v. Sungai Way Leasing Sdn Bhd* [1997] 1 CLJ 396 CA.

Menggunapakai prinsip-prinsip tersebut di atas kepada kes ini, saya dapati pihak pemohon langsung tidak menjelaskan mengapa beliau lambat membuat permohonan ini ke mahkamah. Pihak pemohon telah memfailkan permohonan ini pada 20 Mac 2001 iaitu tiga bulan selepas keputusan kes yang telah diberi pada 20 Disember 2000. Tiga bulan dalam kes ini ialah suatu tempoh yang lama dan kelambatan itu sudah tentu memprejudiskan responden. Penjelasan peguamcara dalam afidavitnya yang menyatakan "terkeliru dengan tarikh cuti hari raya" adalah sesuatu yang melucukan dan tidak munasabah sebagai alasan mengapa permohonan ini dibuat lambat tiga bulan kemudian, kerana cuti hari raya hanya beberapa hari sahaja dan bukan begitu lama sehingga kedua-dua pemohon dan peguamnya tidak sedar untuk membuat rayuan. Mereka sepatutnya bertindak lebih awal. Pernyataan peguamcara pemohon bahawa "klien saya terlewat memberikan arahan kepada saya untuk memfailkan notis rayuan" tidak boleh diterima tanpa pengesahan pemohon sendiri dan dalam hal ini, pemohon telah gagal memfailkan sebarang afidavit untuk menyokong permohonannya. Dalam kes ini, saya tidak puashati atas penjelasan kelambatan. Jadi, saya tidak dapat menggunakan budibicara saya untuk membenarkan permohonan. Saya bersetuju dengan peguamcara responden bahawa kelambatan tindakan adalah disebabkan oleh kecuaian pemohon dan peguamnya sendiri. Mereka adalah pencipta nasib malang mereka sendiri.

Berhubung dengan isu merit, malangnya pihak pemohon tidak menyebut dengan jelasnya apakah jenis dan kausa tindakan responden terhadap pemohon yang menyebabkan beliau tidak puashati terhadap keputusan mahkamah

majistret. Sekadar mengatakan defendan mempunyai merit yang kuat didalam tindakan dan menyebut "tiada saksi yang melihat defendan yang menggali parit tersebut dan isu samada plaintif mempunyai *'locus standi'* didalam kes ini" adalah tidak mencukupi tanpa butir-butir lanjut dikemukakan bagi menyokong dakwaan tersebut. Mahkamah perlu kepada material keterangan yang relevan sebelum mahkamah boleh menggunakan budibicaranya untuk mempertimbangkan permohonan ini. Dalam kes sekarang, material yang sedemikian tidak diketengahkan. Dengan itu, saya bersetuju dengan pernyataan responden bahawa pemohon kononnya mempunyai merit yang kuat dalam tindakan hanya merupakan dakwaan semata-mata. Dakwaan pemohon mempunyai merit dalam tindakan adalah tidak berasas.

Tanpa material keterangan yang relevan dan mencukupi di hadapannya, mahkamah tidak dapat melaksanakan budibicaranya untuk memihak pemohon dalam mempertimbangkan permohonannya. Oleh yang demikian, notis usul pemohon telah ditolak dengan kos kepada responden.